Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.337-350
e-ISSN: 2600-8726© Nordiana Nasuha Molinka, Missah Yabis & Madelyne M Nandu
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TRADISI KE PERSADA GLOBAL: DIMENSI SOSIOBUDAYA FESTIVAL TAHUN BAHARU CINA DI PITAS, SABAH

Traditional to the Global Arena: Sociocultural Dimensions of the Chinese New Year Festival in Pitas, Sabah

Nordiana Nasuha Molinka[1]*, Missah Yabis[2] & Madelyne M Nandu[3]

[1, 2&3]Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: nordiananmolinka@ums.edu.my

Dihantar: 24 Julai 2026 / Penambahbaikan: 24 Ogos 2026
Diterima: 1 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Festival Tahun Baharu Cina (FTBC) di Daerah Pitas, Sabah, mewakili fenomena budaya daripada ritual tradisi bermusim masyarakat minoriti Cina kepada sebuah medium integrasi sosial dan manifestasi identiti budaya majmuk. Penyelidikan ini bertujuan menganalisis reka bentuk struktur perayaan, dinamika penglibatan rentas etnik, serta impak sosioekonomi dan pelancongan FTBC Pitas menerusi lensa sosiologi budaya dan antropologi. Menggunakan pendekatan kualitatif yang mengintegrasikan kajian di lapangan yang merangkumi pemerhatian turut serta, penyelidikan perpustakaan, kajian ini menerapkan strategi triangulasi kaedah bagi menjamin keabsahan analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa FTBC Pitas berhasil meruntuhkan tembok eksklusiviti etnik menerusi penglibatan aktif masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Kimaragang, Bajau, Tombonuo, dan Rungus, manakala masyarakat berketurunan Cina (*sino-native*) bertindak sebagai penganjur. Pengiktirafan antarabangsa seperti *Asia Book of Records* dan *WorldKings Book of Records.* Kajian ini membuktikan bahawa FTBC Pitas berupaya menjadi model berasaskan komuniti dan masyarakat dalam pembangunan berasaskan budaya, yang memberikan implikasi mendalam terhadap kelestarian perpaduan nasional dalam acuan masyarakat majmuk Malaysia.

Kata Kunci : Festival Tahun Baharu Cina, Pitas, Integrasi Sosial, Budaya Majmuk, Pelancongan Budaya

Abstract

The Chinese New Year Festival (FTBC) in Pitas District, Sabah, represents a cultural phenomenon that has evolved from a seasonal traditional ritual of the Chinese minority community into a medium for social integration and a manifestation of a pluralistic cultural identity. This research aims to analyze the structural design of the festival, the dynamics of cross-ethnic participation, as well as the socioeconomic and tourism impacts of FTBC Pitas through the lenses of cultural sociology and anthropology. Utilizing a qualitative approach that integrates fieldwork—including participant observation—and library research, this study applies a methodological triangulation strategy to ensure the validity of the analysis. The findings indicate that FTBC Pitas has successfully dismantled the walls of ethnic exclusivity through the active involvement of a multi-ethnic community, which includes the Kimaragang, Bajau, Tombonuo, and Rungus, while the community of Chinese descent (Sino-native) serves as the organizers. The festival has also garnered international recognition from the Asia Book of Records and WorldKings Book of Records. This study proves that FTBC Pitas is capable of serving as a community-driven model in culture-based development, providing profound implications for the sustainability of national unity within the framework of Malaysia's plural society.

Keywords ***:*** *Chinese New Year Festival, Pitas, Social Integration, Plural Culture, Cultural Tourism*

Pengenalan

Daerah Pitas yang terletak di utara Sabah merupakan salah satu daripada 25 daerah pentadbiran negeri yang berdepan dengan cabaran geografi dan taraf sosioekonomi luar bandar (Solleh et al., 2024). Dari segi statistik, Sabah mencatatkan kadar kemiskinan luar bandar tertinggi di Malaysia, iaitu sekitar 28.5 peratus (Rahman & Rusly, 2025; Shah et al., 2023). Kekangan infrastruktur seperti jaringan jalan raya, bekalan air, elektrik, dan capaian internet masih menjadi cabaran struktur yang nyata (Asadullah et al., 2025; Lee et al., 2026). Meskipun berdepan dengan kekangan sosioekonomi tersebut, masyarakat di daerah Pitas memaparkan dinamika perpaduan yang amat kukuh.

Dari segi demografi, kawasan ini didiami oleh pelbagai kelompok Orang Asal seperti Kimaragang (Pangayan & Shafii, 2021; Maun & Iqbal, 2016), Bajau, Tombonuo, dan Rungus (Bahauddin et al., 2015; Martin et al., 2015). Sementara itu, masyarakat Cina di Pitas merupakan kelompok minoriti yang telah bermastautin sejak sekian lama dan kini terdiri daripada generasi peranakan yang berketurunan Cina iaitu generasi kedua, ketiga, dan seterusnya. Mereka telah melalui proses asimilasi serta akulturasi mendalam dengan penduduk Orang Asal tempatan, terutamanya menerusi perkahwinan campur yang meluas (Ken, 2012; Karuppiah & Hussin, 2021). Fenomena ini melahirkan masyarakat hibrid (*Sino-Native*) yang mengekalkan tradisi perayaan Tahun Baharu Cina namun menyambutnya bersama-sama sanak-saudara dan masyarakat bukan Cina dengan penuh harmoni dan keterbukaan.

Berdasarkan kajian sosiologi dan antropologi, kepelbagaian etnik di Malaysia terbukti tidak membentuk garis pemisah yang keras atau *hard borders*, sebaliknya mewujudkan ruang sosiobudaya yang dinamik serta fleksibel menerusi proses difusi budaya, akulturasi, dan perkongsian silang budaya secara berterusan (Baharuddin, 2012). Dari sudut antropologi, sempadan etnik tidak bersifat statik atau mutlak, melainkan sentiasa dinegosiasikan semula menerusi interaksi sosial harian dan penglibatan dalam ruang awam (Barth, 1969). Ekologi sosial di Sabah memperlihatkan tahap toleransi yang tinggi, iaitu masyarakat saling menghormati amalan keagamaan dan terbiasa dengan konsep *open house* serta sering berkongsi perayaan tradisi (Sintang, 2024). Dalam konteks ini, Festival Tahun Baharu Cina (FTBC) Pitas bertindak sebagai manifestasi praktikal terhadap pelunturan sempadan perayaan merentasi etnik. Oleh itu, penyelidikan seumpama ini amat penting dalam bidang pengurusan budaya dan warisan, khususnya bagi menilai impak pembangunan terhadap kelestarian warisan sosiobudaya serta pembentukan nilai perpaduan nasional dalam kalangan masyarakat majmuk.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah triangulasi data bagi memastikan keabsahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) data empirikal (Rahmadani et al., 2024). Pendekatan ini merangkumi beberapa instrumen pengumpulan data

iaitu kajian di lapangan (*Fieldwork*). Pengkaji turun terus ke tapak tumpuan festival di Kampung Salimpodon Laut, Pitas, untuk mengumpul data primer secara kontekstual mengenai pengurusan acara, corak kehadiran masyarakat tempatan, serta ekosistem sosial semasa festival berlangsung. Selain itu, pemerhatian di lapangan (*field observation*) turut dilakukan semasa di lapangan. Pemerhatian langsung dilaksanakan sepanjang tempoh perayaan bagi merakam dinamika pergaulan interetnik, penglibatan aktif komuniti bukan Cina (Kimaragang, Bajau, Rungus, Tombonuo, dan bangsa lain), serta integrasi elemen tradisi pelbagai kaum di ruang awam. Kaedah seterusnya ialah pengumpulan data sekunder menerusi analisis dokumen bertulis, laporan media, penerbitan statistik demografi daerah, serta liputan media rasmi berkaitan pencapaian rekod FTBC Pitas bagi memperkukuh kerangka analisis kajian.

Sejarah Dan Perkembangan FTBC

Penganjuran FTBC Pitas berakar umbi daripada inisiatif domestik berasaskan komuniti oleh masyarakat berketurunan Cina tempatan sejak lebih empat dekad yang lalu (sekitar 1980-an) di Kampung Salimpodon Laut, Pitas. Pada fasa awal, perayaan ini bersifat dalaman (*in-group orientation*) dan terhad kepada ritual keagamaan serta tradisi keluarga. Walau bagaimanapun, dinamika perayaan tersebut mengalami fasa evolusi yang ketara apabila mula melibatkan jaringan keluarga terdekat iaitu daripada kelompok hibrid. Melalui ikatan persaudaraan rentas budaya, amalan tradisi rumah terbuka (*open house*) yang pada awalnya berskala kecil telah berkembang menjadi penganjuran mega yang merebak secara berperingkat ke kampung-kampung di sekitarnya.

Titik peralihan (*turning point*) yang mengubah struktur perayaan ini berlaku pada awal tahun 2000-an apabila FTBC Pitas mengalami transisi daripada ruang domestik ke ruang awam (*public space*). Transformasi berskala besar tersebut digerakkan oleh kepimpinan tempatan yang berpandangan jauh, terutamanya di bawah inisiatif Datuk Seri (Dr) Ruddy Awah sebagai pengasas dan penggerak utamanya. Di bawah kepimpinan beliau, festival ini digarap secara strategik menerusi penglibatan aktif penggiat seni tempatan, kehadiran artis tanah air, serta perancangan aktiviti interaktif yang inklusif, sekaligus menarik penyertaan masyarakat berbilang bangsa dan agama dari seluruh Sabah dan Malaysia secara umum.

Keunikan Dan Keistimewaan FTBC

FTBC Pitas muncul sebagai sebuah produk budaya hibrid yang unik melalui reka bentuk acara tersendiri yang membezakannya secara ketara daripada sambutan Tahun Baharu Cina konvensional di kawasan bandar mahupun di peringkat global. Kekuatan FTBC Pitas terletak pada ciri-ciri yang membezakannya daripada sambutan perayaan Tahun Baharu Cina di tempat lain. Kekuatan utama sambutan ini adalah keupayaannya meruntuhkan tembok eksklusiviti perayaan etnik (*ethnic exclusivity*) (Foto 1). Sempadan etnik di Pitas tidak bersifat statik, sebaliknya berubah menerusi interaksi sosial harian. Perayaan ini telah mengalami transmutasi makna menjadi sebuah ruang budaya terbuka (*open cultural space*) yang menyatukan masyarakat majmuk. Etnik Orang Asal utama di Pitas khususnya tidak sekadar hadir sebagai pengunjung pasif (R. Awah, komunikasi peribadi, 23 Mei 2026; Astro Awani, 2024; RTM Sabah, 2024; Maun & Iqbal, 2016; Pangayan & Shafii, 2021) tetapi mereka mengambil peranan langsung sebagai peserta persembahan kebudayaan di pentas utama, pengendali reruai bazar perayaan, serta penganjur bersama amalan rumah terbuka (Astro Awani, 2024; RTM Sabah, 2024). Keterlibatan ini mencerminkan iklim sosiobudaya Sabah yang fleksibel dan saling menghormati amalan tradisi antara kaum (Sintang, 2024).

Foto 1: Penari dari Etnik Kimaragang di FTBC Pitas 2019



*Penari dari Etnik Kimaragang bersedia untuk tarian Pinakang tanpa henti bagi Pengiktirafan *Asia Book of Records* di FTBC Pitas 2019

Sumber: Sabah Media (2024); Asia Book of Record (2019).

Selain itu, peranan generasi *sino-native* yang telah berasimilasi serta berakulturasi secara mendalam dengan masyarakat tempatan (Ken, 2012). Hubungan persaudaraan hasil perkahwinan campur yang meluas antara komuniti Cina dan penduduk tempatan melahirkan identiti hibrid (Karuppiah & Hussin, 2021) yang bertindak sebagai jambatan sosial (*social bridges*) yang kukuh. Hal ini telah membuka ruang kepada perubahan sambutan Tahun Baharu Cina daripada perayaan masyarakat berketurunan Cina kepada sebuah medan pertemuan dan pergaulan sosial masyarakat majmuk. Festival Tahun Baharu Cina (FTBC) Pitas menampilkan satu reka bentuk acara yang tersendiri serta berani tampil berbeza daripada sambutan Tahun Baharu Cina konvensional di kawasan bandar mahupun di peringkat global. Perancangan acara (Foto 2) yang strategik dan pengurusan sumber komuniti yang tersusun menjadikan festival tersebut sebagai sebuah produk budaya hibrid yang unik.

Pengiktirafan dan Pencapaian FTBC

FTBC Pitas melakar keunikan tersendiri apabila berlangsung selama 16 hari berturut-turut tanpa henti, sekali gus menjadikannya antara sambutan Tahun Baharu Cina paling lama didokumentasikan di peringkat global. Secara tradisinya, masyarakat Cina menyambut perayaan ini selama 15 hari dengan sambutan Chap Goh Mei sebagai penutup (Bernama 2026; Tourism Malaysia, t.t). Penganjuran yang melebihi tempoh lazim ini mencerminkan keupayaan logistik dan pengurusan strategik penganjur, di samping komitmen serta sokongan padu komuniti setempat dalam tempoh yang panjang. Keunikan festival ini diperkukuh oleh pengisian aktiviti harian yang padat dan berstruktur rapi. Setiap hari sepanjang festival berlangsung, ruang acara diisi secara berterusan dengan persembahan tarian singa (*lion dance*), pertandingan ratu cantik FTBC Pitas, pesta sukan dan tarian tradisional. Di samping itu, pelibatan pelbagai agensi melalui pameran reruai mengubah ruang perayaan menjadi platform penyampaian perkhidmatan dan info-sektor yang merapatkan jurang maklumat masyarakat luar bandar, sementara siri pengiktirafan rekod kebangsaan dan antarabangsa pula berfungsi sebagai alat pemasaran geopolitik berimpak tinggi yang menaikkan kredibiliti daerah tersebut daripada kawasan kurang membangun kepada hub pelancongan budaya berskala global. Berikut merupakan pengiktirafan kepada penganjuran di peringkat kebangsaan, dan antarabangsa (Foto 3 dan Foto 4) melalui siri penganugerahan rekod rasmi berikut (Jadual 1).

Foto 2: Aturcara FTBC Pitas Tahun 2026



Sumber: Sabah Media (2024)

Jadual 1: Pengiktirafan Festival Tahun Baharu Cina Pitas

Pengiktirafan	Peringkat	Catatan
Malaysia Book of Records **2016**	Kebangsaan	Sambutan Tahun Baharu Cina Tanpa Henti Paling Lama (168 jam berterusan)
Asia Book of Records **2019**	Asia	Persembahan silat paling ramai, persembahan muzik dan tarian Pinakang Kimaragang selama lima jam tanpa henti dan masakan Pansoh terpanjang.
WorldKings Book of Records **2024**	Dunia	Sambutan perayaan Tahun Baharu Cina paling lama di dunia iaitu selama 16 hari

Sumber: Sabah Media (2024)

Foto 3: Penyerahan Sijil Pengiktirafan *Asia Book of Records* kepada Penganjur FTBC Pitas 2019



Sumber: Sabah Media (2024); *Asia Book of Record* (2019).

Foto 4: Penyerahan Sijil Pengiktirafan *WorldKings Book of Records* kepada Penganjur FTBC Pitas 2024



Sumber: Sabah Media (2024); Asia Book of Record (2019).

Pengiktirafan rasmi oleh badan bertaraf dunia ini secara langsung melonjakkan penjenamaan daerah Pitas dalam sektor pelancongan budaya antarabangsa. Malah sejak kebelakangan ini, pertandingan seni kreatif etnik (Foto 5) telah menjadi acara serantau penting yang mendapat sambutan menggalakkan dari seluruh negeri Sabah (Foto 6). Kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa ini membuktikan bahawa FTBC Pitas berupaya menjana daya tarikan yang melangkaui sempadan geografi.

Fenomena ini menjadi sangat signifikan memandangkan Pitas dikategorikan sebagai daerah luar bandar terpencil yang mengalami kekangan infrastruktur asas serta jurang keterhubungan geografi (*spatial isolation*). Walau bagaimanapun, festival ini berjaya memecahkan batasan fizikal tersebut. Limpahan kedatangan pengunjung mencetuskan kesan positif terhadap ekonomi mikro tempatan menerusi peningkatan perbelanjaan runcit, penyewaan penginapan, dan perkhidmatan logistik, sekali gus menukar cabaran keterpencilan lokasi menjadi sebuah destinasi pelancongan budaya yang berdaya saing.

Foto 5: Pemenang Pertandingan Tarian Etnik FTBC Pitas 2024



Sumber: Sabah Media (2024); *Asia Book of Record* (2019)

Foto 6: Datuk Seri Panglima Masidi Manjun Disambut oleh Masyarakat Berbangsa Cina dan Bajau Samah



Sumber: Sabah Media (2024).

Implikasi Sosioekonomi, Budaya dan Pelancongan

Perhimpunan berterusan selama 16 hari ini mewujudkan suasana kekitaan iaitu satu keadaan kebersamaan, kesaksamaan, dan keakraban sosial, dengan perbezaan status dan garis sempadan etnik dileburkan dalam ruang perayaan bersama (Turner,). Fenomena ini turut melahirkan ekspresi budaya hibrid yang unik, apabila simbolisme tradisi Cina seperti tarian singa dan tanglung berasimilasi harmoni dengan estetika tempatan seperti paluan gong tradisi, muzik Orang Asal, dan busana tenunan kraf tangan Rungus (Bahauddin et al., 2015).

Selain itu, agenda pemerkasaan ekonomi mikro dan pelancong ruang awam komuniti di sekitar kawasan FTBC Pitas telah memberikan impak yang signifikan. Di sebalik kedudukan Pitas sebagai wilayah luar bandar yang berhadapan dengan kekangan pendapatan serta isu kemiskinan tegar (Asadullah et al., 2025; Shah et al., 2023), penganjuran bazar kebudayaan semasa festival ini berjaya menyediakan pasaran keusahawanan mikro yang inklusif bagi peniaga tempatan. Mereka menjana pendapatan langsung melalui pengkomersialan makanan tradisional, minuman, dan produk kraf tangan. Pada masa yang sama, kehadiran pengunjung pada perayaan

FTBC 2024 dianggarkan mencecah 50,000 orang bukan sahaja memobilisasikan sektor pelancongan domestik, malah merangsang rantaian perkhidmatan runcit, logistik, dan industri inap desa (*homestay*) di seluruh daerah (Sabah Media, 2024). Impak berganda (*multiplier effect*) daripada aktiviti urus niaga sepanjang festival ini diunjurkan mampu menjana nilai ekonomi melebihi RM5 juta, sekali gus berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi lokal yang mampan.

Cabaran Masa Depan

Penganjuran FTBC Pitas memanifestasikan satu paradoks sosiologi yang unik, iaitu penjenamaan festival berskala global tetapi penglibatan demografi masyarakat Cina tempatan berskala kecil. Evolusi sambutan FTBC Pitas dari ruang keluarga kepada ruang awam telah mewujudkan asimilasi budaya dan hibrid. Menerusi sosiologi budaya Stuart Hall, perkara tersebut berlaku apabila golongan minoriti menerima atau menyerap naratif budaya masyarakat majoriti dalam satu kawasan. Adaptasi budaya tersebut telah melalui *cultural filtering*. Simbol-simbol ritual dan kepercayaan yang telah diterapkan oleh nenek moyang masyarakat Cina melalui Taoisme, Konfusianisme dan pemujaan leluhur mengalami *cultural dilution* iaitu falsafah, adat dan pantang larang perlahan-lahan berubah dan disesuaikan dengan keadaan masyarakat setempat. Contohnya, intipati perayaan dikecilkan menjadi sekadar pertunjukan Tarian Singa dan edaran angpau.

Apabila FTBC Pitas diangkat sebagai ejen penjenamaan global dan produk pelancongan domestik, perayaan ini terdedah kepada komodifikasi budaya (*cultural commodification*). Perayaan tersebut dinilai berdasarkan utiliti ekonomi iaitu keupayaan menarik pelancong dan menjana keuntungan untuk ekonomi mikro daerah. Pada masa yang sama, pihak berkuasa dan golongan politik menjadikan sambutan tersebut sebagai serampang dua mata dengan mempamerkan imej perpaduan. Cabaran berat bakal berlaku apabila perayaan tersebut berisiko kehilangan 'jiwa' sambutan perayaan yang sebenar. Perkara ini berlaku kerana struktur sambutan tidak lagi ditentukan oleh keperluan warisan dan budaya masyarakat Cina di Pitas sebaliknya dicorakkan oleh agenda politik, perniagaan dan pemasaran mengatasi kelestarian identiti.

Berdasarkan konsep *cultural friction,* interaksi antara budaya yang berbeza dari segi latar belakang dan norma sosial sentiasa melahirkan titik geseran. Sebagai contoh, sambutan festival yang diubah suai demi meraikan kepelbagaian seperti persembahan tarian kebudayaan Rungus dalam FTBC Pitas dianggap sebagai serangan sempadan identiti, namun diterima baik oleh sebahagian masyarakat yang mendapat impak positif daripada program tersebut. Sebaliknya, ketegangan akan timbul sekiranya masyarakat berketurunan Cina mengekalkan elemen eksklusif dalam perayaan yang mencetuskan pergeseran dan pertelingkahan di ruang awam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, evolusi Festival Tahun Baharu Cina (FTBC) Pitas daripada sebuah perayaan *intra-etnik* yang terpencil kepada satu perayaan *inter-etnik* di ruang awam yang plural mencerminkan satu paradoks sosiologi yang matang lagi dinamik. Di sebalik krisis eksistensial, penipisan demografi, dan risiko pencairan budaya yang dihadapi oleh komuniti mikro-minoriti Cina di Pitas, festival ini telah membuktikan bahawa kelestarian warisan tidak bergantung secara mutlak pada dominasi bilangan populasi, sebaliknya pada keupayaan melakukan adaptasi ruang dan rundingan budaya yang inklusif.

Bagi menjamin masa depan festival, penerapan tadbir urus budaya reflektif (*Reflective Cultural Governance*) adalah satu keperluan agar keaslian sejarah (*cultural authenticity*) yang dipelihara oleh masyarakat Cina tempatan dan hibridisasi sosial yang meraikan kepelbagaian etnik bumiputera dapat diharmonikan tanpa mengorbankan maruah asal perayaan tersebut. Kesimpulannya, FTBC Pitas bukan sekadar sebuah acara kebudayaan tahunan atau produk pelancongan daerah, tetapi merupakan satu model rujukan sosiokultural yang penting bagi negeri Sabah dan Malaysia secara makro, yang memperlihatkan bagaimana ruang pluralistik mampu menjadi wadah pemeliharaan identiti minoriti sekiranya diurus dengan penuh sensitiviti, ekuiti, dan penghormatan silang budaya.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Asadullah, M. N., Biradavolu, M. R., Rao, V., & Simler, K. (2025). Is There an Underside to Economic Growth? A Mixed-Methods Analysis of Malaysia. *The World Bank Economic Review*. 39(4): 867–892. https://doi.org/10.1093/wber/lhaf030.

Baharuddin, S. A. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bahauddin, A., Abdullah, A., & Maliki, N. Z. (2015). The Rungus Longhouse of Sabah, Malaysian Borneo – A Dying Architecture. *SHS Web of Conferences*. 18: 2002. https://doi.org/10.1051/shsconf/20151802002.

Barth, F. (1969). *Ethnic Groups and Boundaries*. London: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-1-349-24984-8_18.

Karuppiah, N., & Hussin, R. (2021). Perkahwinan Komuniti Sino-Kadazan Di Kota Kinabalu, Sabah: Memahami Cabaran Identiti, Pelbagai Adat Dan Hubungan Harmoni Dalam Keluarga. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*. 7(1): 86–100. https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3604.

Ken, D. W. T. (2012). A Hybrid Community in East Malaysia: The Sino-Kadazans of Sabah and their Search for Identity. *Archipel*. 84(1): 107–127. https://doi.org/10.3406/arch.2012.4364.

Lee, B. N., Shaafi, N. F., & Li, L. (2026). Peripheralized modernity: structural constraints on poverty reduction in urban and rural Sabah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 10(2): 1-12. https://doi.org/10.33306/mjssh/392.

Maun, M., & Iqbal, U. (2016). The History of Dusun Kimaragang Tribe. *Intellectual Property Rights Open Access*. Vol. 4(2):158. https://doi.org/10.4172/2375-4516.1000158.

Pangayan, V. B., & Shafii, A. S. H. (2021). Ethnic Minorities In Borneo: The Kimaragang People. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. Vol. 11(1): 245-255. https://doi.org/10.51200/ga.vi.3295.

Rahmadani, D., Marzuki, M., Bakari, Y., & Muzakkir, Abd. K. (2024). The Participation of the Kaili Indigenous People and the Bugis Ethnicity in Preserving the Kupatan Ritual of the Java Ethnicity. *SIGn Journal of Social Science*, 4(2): 87–99. https://doi.org/10.37276/sjss.v4i2.335.

Shah, J. M., Hussin, R., & Idris, A. (2023). Poverty Eradication Project In Sabah, Malaysia: New Initiative, New Challenges? *Planning Malaysia*. Vol. 21(6): 477-192. https://doi.org/10.21837/pm.v21i30.1415.

Sintang, S. (2024). Understanding Sabah Exemplary Interfaith Relations from a Grassroots Perspective. ISEAS PERSPECTIVE. Issue 2024(73): 1-15.

Solleh, M. R. M., Sanusi, M. S. M., Idris, H. N., Yacob, M. Z., Yahaya, F., & Wee, B. (2024). Mapping of Terrestrial Gamma Radiation Isodose in Sabah State, Malaysia. *Research Square*. 1-26. https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-4215426/v1.

Turner, V. W., & Abrahams, R. D. (2017). *The Ritual Process*. New York: Routledge. https://doi.org/10.4324/9781315134666.

Sumber atas Talian

Asia Book of Records. (2019, 12 Julai). Longest celebration of the Chinese New Year festival. https://www.asiabookofrecords.com/longest-celebration-of-the-chinese-new-year-festival/.

Astro Awani. (2024, 26 Februari). Festival Tahun Baharu Cina terlama di peringkat antarabangsa [Video]. https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/festival-tahun-baharu-cina-terlama-di-peringkat-antarabangsa-x8six3g.

Bernama (2026, 26 Februari) Chap Goh Mei berpotensi diangkat sebagai produk pelancongan penting Sri Aman. Utusan Borneo (Sarawak). http://discol.umk.edu.my/id/eprint/17433.

Berita RTM Sabah. (2024, 25 Februari). FTBC Pitas 2024 cipta rekod dunia, diiktiraf WorldKings Book of Records [Video]. YouTube.

Sabah Media. (2024, 26 Februari). FTBC Pitas terima pengiktirafan dunia. Sabah Media. https://sabahmedia.com/2024/02/26/ftbc-pitas-terima-pengiktirafan-dunia/.

Tourism Malaysia. (t.tn.). Chap Goh Mei celebration. Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia. tourism.gov.my.